

30 OCT 1998

LEAD Mahathir-kementerian

KEMENTERIAN BARU UNTUK MULTIMEDIA

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ditukar nama kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia berkuatkuasa 1 Nov ini.

Ketika mengumumkan demikian hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie akan menjadi menteri di kementerian baru itu.

Kementerian Penerangan akan memindahkan semua fungsi berkaitan dasar dan kawal selia di bidang penyiaran kepada kementerian baru itu, kata Perdana Menteri pada satu persidangan media.

Bagaimanapun, Kementerian Penerangan akan terus bertanggungjawab terhadap penggubalan dan pelaksanaan dasar berhubung penyebaran secara sistematik dan berkesan maklumat kerajaan.

Ia juga akan bertanggungjawab terhadap pengurusan dan operasi RTM.

Dr Mahathir berkata sebuah suruhanjaya dikenali sebagai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan ditubuhkan pada 1 Nov ini sebagai badan kawal selia tunggal bagi industri telekomunikasi, penyiaran dan pengkomputeran.

Ia akan dipengerusikan oleh Dr Syed Hussein Mohamed, seorang perunding kejuruteraan.

Syed Hussein, lulusan ijazah falsafah kedoktoran kejuruteraan dari Birmingham University, pernah menjadi pengarah eksekutif Telekom Malaysia sebelum meletak jawatan pada Jun 1993 untuk menubuhkan syarikat perunding. Beliau masih bersama Telekom Malaysia sebagai pengarah bukan eksekutif.

Dr Mahathir berkata geran pelancaran sebanyak RM122 juta akan disediakan oleh kerajaan kepada suruhanjaya itu.

Dengan penubuhan suruhanjaya itu, peranan Jabatan Telekom Malaysia atau Jabatan Telekomunikasi Malaysia akan dipindahkan.

Suruhanjaya itu juga akan mengambil alih sebahagian daripada fungsi teknikal serta juga fungsi kawal selia Jabatan Pos selain menguatkuasakan Akta Tandatanganan Digital 1997.

--BERNAMA

AD MFJ MAI